

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(27)

Tarikh: 11 JANUARI 2021

## SIARAN MEDIA

### Projek Kereta Kabel Bukit Bendera: Permintaan Cadangan (RFP) Dikeluarkan Pada 13 Januari 2021

**KERAJAAN** Negeri melalui Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) akan mengeluarkan Permintaan Cadangan atau *Request for Proposal* (RFP) untuk projek kereta kabel Bukit Bendera pada 13 Januari 2021.

Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap pengerusi PBBPP, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa projek kereta kabel akan diteruskan melalui konsep kerjasama dengan pihak swasta selepas kerajaan Persekutuan mengumumkan pembatalan peruntukan projek tersebut pada April 2020.

"Sistem kereta kabel amat dikenali sebagai mod *Environmental Sustainable Transport* (EST) yang disokong dengan data serta penyelidikan sahih. Terdapat banyak taman negara, rizab alam semula jadi, malah tapak warisan dunia UNESCO di dunia berjaya melaksanakan sistem kereta kabel dengan membabitkan ruangan kecil dan metodologi pembinaan yang mesra alam.

"Justeru, selain keretapi furnikular sedia ada, kereta kabel mampu menjadi mod pengangkutan tambahan terutamanya dalam mengurangkan kesesakan pada waktu puncak sekaligus menyumbang kepada pembangunan pelancongan negeri Pulau Pinang secara berterusan," katanya.

Projek berkaitan dijangka mengambil masa tiga (3) hingga empat (4) tahun untuk disiapkan dan beroperasi sepenuhnya.

"Kajian pra-kebolehlaksanaan (*pre-feasibility*) projek kereta kabel telah dijalankan dan penilaian menyeluruh di pasaran, sosial, ekonomi, impak alam semulajadi, model kewangan, potensi, pemilihan penyelarasan serta lain-lain telah dijalankan oleh pihak perunding berkaliber.

"Justeru, PBBPP mengalu-alukan semua pakar dan pihak yang layak untuk mengambil bahagian dalam proses RFP ini," serunya.

Berdasarkan kajian pra-kebolehlaksanaan yang dijalankan, terdapat beberapa laluan pilihan untuk pelaksanaan projek kereta kabel iaitu menerusi Taman Botani, Taman Belia (*Youth Park*) dan Teluk Bahang. Malah, turut menjadi kemungkinan bahawa bangunan parkir bertingkat akan dibina di beberapa lokasi berbeza bergantung kepada penjajaran serta lokasi stesen bawah kereta kabel berkenaan. Serentak itu, bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, PBBPP turut mencadangkan penggunaan

kenderaan elektrik untuk membawa pengunjung dari bangunan parkir bertingkat ke stesen bawah kereta kabel.

“Ekoran permohonan PBBPP untuk mengiktiraf Bukit Bendera sebagai Rizab Biosfera UNESCO iaitu di bawah program *Man and The Biosphere* (MAB), perancangan dan ramalan pembangunan perlu dilakukan secara teliti demi masa depan Bukit Bendera serta negeri Pulau Pinang secara menyeluruh.

“Dengan kata lain, projek kereta kabel ini bukan sebuah projek persendirian, sebaliknya ia memerlukan banyak pertimbangan serta perbincangan yang perlu dilakukan secara kolektif. Komitmen ini jelas membuktikan pendekatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejajar dengan **Visi Penang2030**: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara,” jelas beliau.

Semua maklumat berkenaan RFP boleh didapati melalui iklan yang diterbitkan di surat khabar perdana. Permohonan dibuka untuk syarikat yang sah berdaftar bermula 13 Januari 2021 sehingga 24 Mei 2021.

Sesiapa yang berminat dalam Permintaan Cadangan tentang Projek Kereta Kabel Bukit Bendera, sila layari [perolehan@penanghill.gov.my](mailto:perolehan@penanghill.gov.my) untuk maklumat selanjutnya.

#TAMAT#

---

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

## Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[cheryl.cheah@penanghill.gov.my](mailto:cheryl.cheah@penanghill.gov.my)

Mohd Naszeem  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[naszeem@penanghill.gov.my](mailto:naszeem@penanghill.gov.my)

Lee Shew Yean  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)